

ISU-ISU KONTEMPORARI

dalam

Zakat, Wakaf dan Filantropi Islam

Editor

Najahudin Lateh, PhD

Muhamad Rahimi Osman, PhD

Ghafarullahhuddin Din, PhD

**ISU-ISU
KONTEMPORARI**
dalam
**Zakat, Wakaf dan
Filantropi Islam**

Editor

Najahudin Lateh, PhD
Muhamad Rahimi Osman, PhD
Ghafarullahhuddin Din, PhD

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)
Universiti Teknologi MARA

Cetakan Pertama 2017

© Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Dekan, ACIS Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Diterbitkan oleh Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA,
40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
e-mel: acis@salam.uitm.edu.my

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Najahudin Lateh, 1974-

Isu-Isu Kontemporari dalam Zakat, Wakaf dan Filantropi Islam /
Najahudin Lateh, PhD, Muhamad Rahimi Osman, PhD, Ghafarullahhuddin Din, PhD
ISBN 978-967-0171-79-1

1. Zakat. 2. Islam-Charities. 3. Waqf. 4. Government publication-Malaysia.

I. Muhamad Rahimi Osman, 1961. II. Ghafarullahhuddin Din, 1961.

297.54

Dicetak di Malaysia oleh : Card Information Sdn. Bhd.

49, Jalan 31/10A

Taman Perindustrian IKS, Mukim Batu

68100 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 603-4295 8009 Faks: 603-4297 8009

ISU KUTIPAN ZAKAT TANPA KEBENARAN: KAJIAN DARI PERSPEKTIF PERUNDANGAN SYARIAH

Mohd Anuar Ramli & Mohammad Naqib Hamdan
Universiti Malaya

PENDAHULUAN

Zakat merupakan satu ibadat yang berdimensikan kehartaan dalam bentuk mandatori kepada para *muzakki* yang berkelayakan untuk diagihkan kepada para *mustahiq* zakat yang memerlukan. Ia merupakan instrumen kewangan alternatif sebagai jaminan sosial di samping instrumen yang lain seperti wakaf, hibah dan wasilah *tabarru'at* yang lain. Saban tahun, jumlah agihan semakin meningkat disebabkan oleh jumlah asnaf yang bertambah ekoran pelbagai faktor di samping peningkatan jumlah kutipan. Bertitik tolak daripada keadaan tersebut, berbagai pendekatan telah dijalankan oleh pelbagai pihak untuk memacu transformasi zakat negeri, khususnya bagi meningkatkan kadar kutipan zakat dan mengoptimumkan agihannya kepada asnaf. Rentetan daripada strategi dan pendekatan yang digunakan, timbul beberapa isu yang menjadi polemik masa kini. Antaranya termasuklah kutipan zakat yang merentasi sempadan negeri atau perlantikan agen kutipan zakat luar dan sebagainya. Isu-isu ini jika tidak ditangani dengan bijak, akan menimbulkan ekosistem zakat yang tidak harmoni malah memberi kesan terhadap peruntukan asnaf-asnaf zakat. Sehubungan itu, kajian ini menfokuskan terhadap isu kutipan zakat tanpa kebenaran di Malaysia dari perspektif perundangan Shariah.

SENARIO KUTIPAN ZAKAT DI MALAYSIA

Institusi zakat sentiasa mencari pendekatan terbaik dalam meningkatkan prestasi kutipan zakat dengan perlaksanaan pelbagai mekanisme kutipan di samping turut berkerja keras untuk mengagihkannya secara efisien kepada *mustahiq* zakat. Menurut Ahmad (2013) kemajuan pengurusan zakat semakin meningkat sama ada dalam aspek kutipan mahupun agihan zakat.

Mutakhir ini, pelbagai kaedah pembayaran diperkenalkan bagi memudahkan urusan masyarakat membayar zakat, sekaligus dapat meningkatkan jumlah kutipan zakat (Muhammad et al., 2012). Selain itu, pihak zakat negeri juga mewujudkan saluran potongan gaji, kaunter bank, kaunter pejabat pos, kaunter pelbagai ejen dilantik, Internet portal dan sebagainya (Paizin, 2014). Sebahagian institusi zakat negeri telah melantik agen kutipan atau amil luar bagi membantu kutipan zakat dalam negeri. Namun ada juga pihak yang melantik amil atau agen luar yang membantu mengutip zakat di luar negeri asal. Agen kutipan ini mengutip zakat dalam wilayah territori negeri masing-masing umpamanya seperti Perak (Pusat Pendidikan Al-Hidayah Perak (PPAP, 2017), Perlis (Ma'ahad Attarbiyah Al-Islamiyah (MATRI), Sekolah Rendah Agama Attarbiyah Al-Islamiyah (SRAATI), dan Institut Pengajian Tinggi

Islam Perlis (IPTIP) (Azam et al., 2015), dengan pelbagai kadar pulangan antara 25% -50% di samping ada yang diberikan wakalah agihan zakat sepertimana di Wilayah Persekutuan (Ahmad & Wahid, 2017). Namun terdapat juga negeri yang melantik agen dari kalangan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti ISMA melalui Aman Palestin (Aman Palestin, 2017), IKRAM melalui Koperasi Islam Malaysia Berhad (KIMB) (IKRAM, 2017) dan pusat pendidikan seperti MUSLEH (SRIAKT, 2017), Pusat Pengajian al-Quran al-Itqaan (PPQI, 2013) bagi memungut zakat di luar sempadan negeri, dengan pulangan kadar 50% (Azam et al., 2015).

PERUNDANGAN ZAKAT DI MALAYSIA

Urusan kutipan zakat di Malaysia tertakluk di bawah perundangan kerajaan negeri yang diuruskan oleh Majlis Agama Islam Negeri (Rahman et al., 2012). Perkara ini termaktub dalam Perlembagaan Malaysia yang memperuntukkan urusan agama di bawah perkara negeri. Jadual Kesembilan Senarai II-Senarai Negeri, Perenggan 1 Perlembagaan Persekutuan telah menggariskan zakat sebagai hal ehwal yang akan ditadbir di bawah bidang kuasa negeri.

Institusi yang mempunyai bidang kuasa negeri yang bertanggungjawab dalam menguruskan hal ehwal pentadbiran dan pengurusan zakat di Malaysia ialah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Manakala Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa negeri bagi urusan pendakwaan kes-kes jenayah syariah melibatkan orang-orang yang beragama Islam bagi kesalahan mengutip, mengagih atau menyalahguna bantuan zakat (Badrulzaman et al., 2017).

Di sesetengah negeri di Malaysia, pengurusan dan pentadbiran institusi zakat dilaksanakan oleh MAIN dan pentadbiran kerajaan negeri masing-masing sebagai wakil kepada DYMM Sultan atau Raja (Mohammad, 2017, Ramli & Abdullah, 2016, PPZ, 2016; Noor & Saad, 2015; Sulong & Ali, 2012). Dengan itu, kuasa menguruskan atau memungut zakat dan fitrah diperuntukkan dalam enakmen-enakmen, antaranya boleh dilihat dalam jadual 1.

Berdasarkan jadual 1, jelas bahawa kuasa perlantikan amil dan memungut zakat berada di bawah kuasa negeri. Dengan itu, pihak yang tidak dapat keizinan memungut zakat dilarang untuk memungutnya walau di negeri sendiri.

Jadual 1: Peruntukan berkaitan memungut zakat dan fitrah

Bil.	Seksyen	Enakmen	Peruntukan
1.	Seksyen 86, Bahagian 6	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004	Majlis hendaklah berkuasa memungut zakat dan fitrah daripada setiap orang Islam yang kena dibavar di dalam Negeri Pulau Pinang mengikut Hukum Syarak bagi pihak Yang di-Pertuan Agong.
2.	Seksyen 75, Bahagian 6	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004	Majlis berkuasa memungut zakat dan fitrah yang kena dibavar oleh tiap-tiap orang Islam di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan mengikut Hukum Syarak bagi pihak Duli Yang Maha Mulia Sultan

3.	Seksyen Bahagian 6	74,	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002	Majlis berkuasa memungut zakat dan fitrah yang kena dibayar oleh tiap-tiap orang Islam di dalam Negeri Melaka mengikut Hukum Svarak bagi pihak Yang di-Pertuan Agong.
4.	Seksyen Bahagian 6	86,	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003	Majlis berkuasa memungut zakat dan fitrah yang kena dibavar oleh tiau-tiau orang Islam yang kena dibayar di dalam Negeri Sembilan mengikut Hukum Syarak bagi pihak Yang di-Pertuan Besar.
5.	Seksyen Bahagian 5	82,	Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Negeri Pahang) 1991	Majlis hendaklah mempunyai kuasa dan hendaklah berkewajipan memungut semua zakat dan fitrah yang kena dibavar dalam Negeri Pahang menurut Hukum Syarak.
6.	Fasal Bahagian 6	86,	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003	Majlis hendaklah berkuasa memungut zakat dan fitrah daripada setiap orang Islam yang kena dibavar di dalam Negeri Johor mengikut Hukum Syarak bagi pihak Duli Yang Maha Mulia Sultan.
7.	Seksyen Bahagian 3	51,	Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu (Negeri Kelantan) 1994	Majlis hendaklah mempunyai kuasa tunggal dan mempunyai kewajipan memungut semua jenis zakat atau fitrah dalam Negeri ini dan membelanjakan hasil pungutan itu sebagaimana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dengan berasaskan kepada Hukum Syarak.
8.	Seksyen Bahagian 6	86,	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003	Majlis hendaklah berkuasa memungut zakat dan fitrah daripada setiap orang Islam yang kena dibavar di dalam Negeri Selangor mengikut Hukum Syarak bagi pihak Duli Yang Maha Mulia Sultan.
9.	Seksyen Bahagian 5	70,	Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Negeri Terengganu) 2001	Majlis hendaklah berkuasa memungut zakat dan fitrah daripada setiap orang Islam yang kena dibayar di dalam Negeri Terengganu mengikut Hukum Syarak bagi pihak Duli Yang Maha Mulia Sultan.
10.	Seksyen Bahagian 3	56,	Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Negeri Sabah) 1992	Zakat dan Fitrah hendaklah dipungut dan dibahagikan oleh Majlis mengikut peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berkuatkuasa.

Sumber: E Syariah, 2017a

Kesalahan Jenayah Syariah Dalam Kutipan Zakat Tanpa Kebenaran

Di Malaysia, Sultan atau pemerintah melantik amil atau pengurus dan kakitangan zakat bagi menjalankan urusan berkaitan zakat. Mereka berperanan untuk mengutip dan mengagih hasil zakat kepada asnaf yang layak dengan kuasa yang diberikan (Paizin, 2016b). Selari dengan keizinan tersebut, kebanyakan negeri memperuntukkan hukuman yang khusus melibatkan kesalahan jenayah Syariah dalam kes pemungutan zakat atau fitrah tanpa kebenaran misalnya Pulau Pinang, Perak, Terengganu, Wilayah Persekutuan, Selangor, Pahang, Negeri Sembilan, Johor dan Sarawak. Peruntukan ini boleh dilihat dalam jadual 2.

Jadual 2: Peruntukan berkaitan kesalahan kutipan zakat tanpa kebenaran

Bil	Negeri	Seksyen	Enakmen	Peruntukan
1	Pulau Pinang	Seksyen 33. Pemungutan zakat atau fitrah tanpa kuasa.	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996	Mana-mana orang yang memungut zakat atau fitrah atau menyebabkan dipungut zakat atau fitrah tanpa dia dilantik sebagai amil atau selainnya diberikuasa oleh Majlis adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh di denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya pungutan itu dirampas dan dibayar ke dalam Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah subseksyen 90(1) Enakmen Pentadbiran.
2	Perak	Seksyen 41. Memungut zakat atau fitrah secara tak sah.	Enakmen Jenayah (Syariah) 1992	Sesiapa yang memungut zakat atau fitrah atau menyebabkan zakat atau fitrah dipungut tanpa diberikuasa yang sah, adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. Mahkamah hendaklah memerintah pungutan itu dirampas dan diserahkan kepada Baitulmal.
3	Terengganu	Seksyen 40. Pemungutan zakat atau fitrah tanpa kuasa.	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001	Mana-mana orang yang memungut zakat atau fitrah atau menyebabkan dipungut zakat atau fitrah tanpa dia dilantik sebagai amil atau selainnya diberi kuasa oleh Majlis adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya pungutan itu dirampas dan dibayar ke dalam Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 58 Enakmen Pentadbiran.
4	Pahang	Seksyen 38. Pemungutan zakat atau fitrah tanpa kuasa	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 2013	Mana-mana orang yang memungut zakat atau fitrah atau menyebabkan dipungut zakat atau fitrah tanpa dia dilantik sebagai amil atau selainnya diberi kuasa oleh Majlis melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya pungutan itu dirampas dan dibayar ke dalam Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 67 Enakmen Pentadbiran.
5	Wilayah Persekutuan	Seksyen 33. Pemungutan zakat atau fitrah tanpa kuasa	Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997	Mana-mana orang yang memungut zakat atau fitrah atau menyebabkan dipungut zakat atau fitrah tanpa dia dilantik sebagai amil atau selainnya diberikuasa oleh Majlis adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya pungutan itu dirampas dan dibayar ke dalam Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 60 Akta Pentadbiran.
6	Selangor	Seksyen 37. Pungutan zakat atau fitrah tanpa diberikuasa.	Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995	Mana-mana orang yang memungut zakat atau fitrah atau menyebabkan dipungut zakat atau fitrah tanpa dia dilantik sebagai amil atau selainnya diberikuasa oleh Majlis adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

7	Negeri Sembilan	Seksyen 118. Kegagalan membayar zakat atau fitrah.	Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992	(3) Mana-mana orang yang membuat atau mengambil bahagian di dalam mana-mana pungutan zakat atau fitrah tersebut yang berlawanan dengan seksyen 68 Enakmen yang berkenaan tanpa diberi kuasa yang sah adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.
8	Johor	Seksyen 33. Pemungutan zakat atau fitrah tanpa kuasa	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997	Mana-mana orang yang memungut zakat atau fitrah atau menyebabkan dipungut zakat atau fitrah tanpa dia dilantik sebagai amil atau selainnya diberikuasa oleh Majlis adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya pungutan itu dirampas dan dibayar ke dalam Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 39 Enakmen Pentadbiran.
9	Sarawak	Seksyen 30. Pemungutan zakat atau fitrah tanpa kuasa	Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah 2001	Mana-mana orang yang memungut <i>zakat</i> atau <i>fitrah</i> atau menyebabkan dipungut <i>zakat</i> atau <i>fitrah</i> tanpa dia dilantik sebagai amil atau selainnya diberi kuasa oleh Majlis adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya pungutan itu dirampas dan dibayar ke dalam Baitulmal yang ditubuhkan di bawah seksyen 45 Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001 [Bab 41]

Sumber: E Syariah, 2017b

Berdasarkan jadual 2, kesalahan memungut zakat tanpa kebenaran telah diberikan perhatian yang serius oleh negeri-negeri. Kebanyakan negeri memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM3000.00 dan penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali, manakala hanya Negeri Sembilan memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM1000.00 dan penjara tidak melebihi setahun atau kedua-duanya sekali.

Kes Yang Diputuskan

Sebelum merdeka, terdapat kesalahan berkaitan zakat dicatatkan. Antaranya adalah keenggan memberi maklumat kepada amil keluasan tanah, terima zakat tanpa tauliah, enggan membayar zakat & kesalahan amil (Wahab et al., 2014). Namun begitu, senario masa kini menunjukkan bahawa masih wujud individu yang memungut zakat tanpa kebenaran dan juga amil palsu (Berita Harian, 2016, PPZ, 2016). Terdapat kes pungutan zakat tanpa kebenaran yang berlaku di negeri Selangor, iaitu pada bulan Mei 2016 berhampiran dengan Café Apron, Pejabat Korporat Malaysia Airport Berhad, Kuala Lumpur International Airport (KLIA) Sepang, Selangor. Merujuk kes Pendakwa Syarie Selangor Lawan Mohd Azmee dan Omar (JAKESS, 2016), tertuduh-tertuduh telah disahkan oleh Lembaga Zakat Selangor (MAIS) bahawa tertuduh-tertuduh ini tidak pernah diberikan kebenaran untuk membuat sebarang kutipan zakat atau fitrah di dalam negeri Selangor. Atas sabitan bersalah terhadap tertuduh di bawah Seksyen 52(1)(b) tahun 1995 yang dibaca bersama seksyen 37 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) Tahun 1995 iaitu percubaan pungutan zakat atau fitrah tanpa diberikuasa dan dijatuhkan hukuman

denda sebanyak RM 2,000.00 atau penjara selama tempoh 9 hari jika tidak dapat membayar denda tersebut.

PENUTUP

Isu kutipan zakat tanpa keizinan merupakan perkara yang sensitif kerana melibatkan pencerobohan terhadap batasan urusan keagamaan sesebuah negeri. Ini disebabkan di dalam Perlembagaan Negara, perkara agama diletakkan di bawah kuasa negeri. Perlantikan amil adalah di bawah kuasa pemerintah negeri di samping para *muzakki* wajib mentaati perintah dan arahan ulil amri negeri masing-masing dalam isu pembayaran zakat agar hak *mustahiq* zakat setempat terjamin. Tindakan memungut tanpa izin pemerintah merupakan satu kesalahan jenayah Syariah. Sehubungan itu, isu kutipan tanpa keizinan melalui perlantikan ejen luar kawasan ini perlu ditangani dengan bijak lagi cermat kerana ia bukan sahaja merupakan pendekatan untuk meningkatkan prestasi kutipan zakat negeri semata-mata, sebaliknya ia turut melibatkan isu perundangan. Oleh itu, pendekatan yang digunakan perlu menjaga keharmonian dalam hubungan institusi zakat negeri terpelihara supaya ekosistem zakat tempatan dapat berkembang pesat.

RUJUKAN

- Ahmad, A. & Wahid, H. 2017. Kontrak Wakalah dalam Agihan Zakat: Kajian di Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Hairunnizam Wahid et al., *Pengurusan Zakat di Malaysia: Satu Pendekatan Analisis Gelagat*, Bangi:UKM 171-189.
- Ahmad, R. 2013. Persepsi Umat Islam Di Negeri Kedah Terhadap Kaedah Pembayaran Zakat Melalui Perbankan Internet. Disertasi Sarjana Sains Pengurusan Universiti Utara Malaysia.
- Aman Palestin. 2017. https://www.amanpalestin.net/salam.php?kategori=borang_zakat_perlis/ dicapai pada 7 November 2017.
- Aman Palestin. 2017. <https://www.facebook.com/AmanPalestineOfficial/posts/155471857836631/> dicapai pada 7 November 2017.
- Azam, R.M.A.R., Wahid, H. & Ahmad, S., 2015. Pelaksanaan Sistem Agen Dalam Kutipan Zakat Di Negeri Perlis: Isu Dan Cabaran, *Isu Kontemporari Agihan Zakat di Malaysia*. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. 37-49.
- Badarulzaman, M.H., Azhar, A. & Ismail, C.T.M. 2017. Kerangka Perundungan Pentadbiran Zakat Di Negeri Kedah: Satu Analisis Perbandingan. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, vol. 3: no. 6, 1-9.
- Berita Harian. 2016. “Jangan terpedaya amil palsu”, <https://www.bharian.com.my/node/169168/> dicapai pada 7 November 2017.
- Esa, M.S.M., Noor, M.A.M. & Wahid, H. 2017. Kodifikasi Akta Zakat Nasional : Persepsi dan Implikasi. Hairunnizam Wahid et al., *Pengurusan Zakat di Malaysia: Satu Pendekatan Analisis Gelagat*, Bangi: UKM, 39-65.
- ESyariah, 2017a. “Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri”, <http://www2.esyariah.gov.my/> dicapai pada 7 November 2017.
- ESyariah, 2017b. “Enakmen Jenayah Syariah Negeri”, <http://www2.esyariah.gov.my> dicapai pada 7 November 2017.
- IKRAM, 2017. [http://www.ikram.org.my/berita/item/487-kimb-tawar-pelbagai-produk-dan-perkhidmatan-berlandaskan-syariah.html/](http://www.ikram.org.my/berita/item/487-kimb-tawar-pelbagai-produk-dan-perkhidmatan-berlandaskan-syariah.html) dicapai pada 7 November 2017.

- Ismail, M.F., Wahid, H. & Noor, M.A.M., 2017. Prestasi Kutipan Serta Pematuhan Standard Prosedur Kutipan Zakat: Kajian Di Malaysia, Hairunnizam Wahid et al., *Pengurusan Zakat di Malaysia: Satu Pendekatan Analisis Gelagat*, Bangi: UKM, 68-82.
- JAKESS. 2016. <http://www.jakess.gov.my/pdffile/KoleksiPenghakimanMRS/> Pendakwa % 20Syarie% 20lwn% 20Mohd% 20Azmee% 20dan% 20Omar.pdf/ dicapai pada 7 November 2017.
- Lateff, E.E.A., Patil, M.R. & Hassan, M.S. 2014. Prestasi Kecekapan Agihan Kewangan dan Bukan Kewangan di Kalangan Institusi Zakat di Malaysia, *Jurnal Ekonomi Malaysia* 48(2) 2014 51 - 60
- Mohammad, N., 2017. Ekonomi Politik Institusi Zakat: Satu Penelitian Terhadap Institusi Zakat di Pulau Pinang. *Jurnal Syarikah* 3 (1): 330 - 342.
- Muhammad, F., Hussin, M.Y.M., Awang, S.A. & Mohamed, A.M.T. 2012. Kepelbagaiannya Kaedah Pungutan Zakat: Analisis Di Pusat Pungutan Zakat-Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Dari Tahun 2003-2009. *Jurnal Syariah*, Jil. 20, Bil. 3 (2012) 329-348.
- Noor, A.M. & Saad, R.A., 2015. Ejen Dan Impak Perubahan Dalam Pengurusan Wang Zakat, *Proceedings 9th ISDEV International Islamic Development Management Conference (IDMAC2015)*, 361-380.
- Paizin, M.N. 2016a. Isu Kehilangan Pembayar Zakat: Kajian Kes Di Pusat Pungutan Zakat (PPZ) Wilayah Persekutuan Malaysia. Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2016), 47-52.
- Paizin, M.N., 2016b. Objektif Institusi Pengutip Zakat (IPZ): Sebuah Penilaian, *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, Vol. 10, No. 1, 2016, 21-39.
- Paizin, M.N. 2014. Amalan Dakwah Zakat Di Wilayah Persekutuan Malaysia: Satu Pemerhatian, Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization iCasic 2014, 482-489.
- PPAP, Pusat Pendidikan Al-Hidayah Perak. 2017. <http://alhidayahdana.com/tentang-zakat/> dicapai pada 7 November 2017.
- Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan [Perkara 74, 77], Senarai Perundangan; Senarai II – Senarai Negeri.
- PPZ. 2016. “PPZ-MAIWP Tidak Lantik Individu Kutip Zakat Harta: Waspada Amil Palsu” https://web.facebook.com/myzakat/posts/1123465227694896:0?_rdc=1&_rdr/ dicapai pada 7 November 2017.
- Pusat Pengajaran al-Quran al-Itqaan (PPQI), 2013. [https://www.facebook.com/ permalink.php? id=170491119669691&story_fbid=642580152460783](https://www.facebook.com/permalink.php? id=170491119669691&story_fbid=642580152460783), dicapai pada 7 November 2017.
- Rahman, A.A., Alias, M.H. & Omar, S.M.N.S. Zakat Institution in Malaysia: Problems and Issues, *GJAT*, June 2012, Vol 2, Issue 1, 35-41.
- Ramli, M.R. & Abdullah, H. 2016. Agihan Zakat Terus Kepada Asnaf: Analisis Fiqh Dan Kedudukannya Di Malaysia, *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, Vol. 10, 2016, pp. 86-100.
- SRIAAKT, 2017. “Zakat Dan Pembangunan Sekolah”, <http://inijihadku.blogspot.my/> dicapai pada 7 November 2017.
- Sulong, J. & Ali, A.M. 2012. Kajian Perbandingan Dalam Pentadbiran Undangundang Kutipan Zakat Di Provinsi Aceh Dan Negeri Kedah. *Kajian Malaysia*, Vol. 30, No.1, 107–138.
- Wahab, M.F., Said, M.S.M., Nordin, M.K.A., Paizin, M.N. & Ismail, S.S., 2014. Kedudukan Zakat: Fatwa & Undang-Undang. (eds.) Abd Halim Mohd Noor, S.Salahudin Suyurno, Rawi Nordin, Normala Rabu, *Amil Zakat Kontemporari: Profesionalisme Dan Integriti*. Shah Alam: Institut Kajian Zakat Malaysia, 13-23.

**ISU-ISU
KONTEMPORARI**
dalam
**Zakat, Wakaf dan
Filantropi Islam**

"Bandingan (infaq) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah adalah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangai, tiap-tiap tangai itu pula mengandungi seratus biji, dan (ingatlah) Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi meliputi ilmu pengetahuan-Nya." (al-Baqarah, 2 : 261)

Filantropi adalah rasa kasih seseorang kepada orang lain hingga melahirkan kesanggupan memberikan kebaikan secara sukarela tanpa bayaran dan paksaan. Dalam Islam, konsep ini telah wujud lebih awal melalui amalan sadaqah material seperti sadaqah wajib (seperti zakat), sadaqah sunat (derma infaq), sadaqah jariyah (wakaf) atau sadaqah spiritual seperti senyum, amal ma'ruf nahi munkar, kebaikan atau kesukarelawan. Malah, istilah sadaqah dalam Islam berkait rapat dengan terminologi material lain seperti hibah, hadiah, takaful, wasiat, faraid, pusaka dan sebagainya. Buku ini mengandungi lebih 60 topik tentang isu-isu kontemporari berkaitan amalan tersebut.

Kerjasama Strategik Penerbitan



جامعة التقانة الإسلامية
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA
Akademi Pengajian Islam Kuantan
Academy of Contemporary Islam
Kuantan



UNIVERSITI
TENAGA
NASIONAL



Dengan Sokongan

BANK ISLAM



NAJAHUDIN LATEH ialah seorang penyelidik, penulis modul, perunding hartanah, webmaster dan usahawan internet. Beliau merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam di Universiti al-Azhar, Egypt (1997), Diploma Pendidikan KPM (2000), Sarjana Hadith, Universiti Malaya (2004) dan Doktor Falsafah Syariah dan Muamalat, UiTM (2016). Kini beliau berkhidmat sebagai Pensyarah Kanan bidang Muamalat dan Kewangan Islam di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Shah Alam serta sebagai Ketua Seksyen Wakaf UiTM.



MUHAMAD RAHIMI OSMAN ialah Profesor Kewangan Islam di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Shah Alam. Beliau merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Syariah, Universiti Malaya (1987), Sarjana Ekonomi Islam, Universiti Yarmuk, Jordan (1996) dan Doktor Falsafah Undang-undang (Kewangan Islam), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (2007). Kini beliau berkhidmat sebagai Dekan di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam.



GHAFARULLAHUDDIN DIN ialah Profesor Madya di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Shah Alam. Beliau merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Pembangunan dan Perancangan, Universiti Kebangsaan Malaysia (1985), Post Graduate Diploma Siswazah Syariah, UKM (1989), Sarjana Pengajian Islam/Ekonomi Islam, Universiti Sains Malaysia (1996) dan Doktor Falsafah Pengajian Islam/Ekonomi Islam, USM (2004). Kini beliau berkhidmat sebagai Ketua Pusat Zakat, Sedekah dan Wakaf, UiTM.



جامعة التقانة الإسلامية
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

GIFA
GLOBAL ISLAMIC FINANCE AWARD

ISBN 978-967-0171-79-1



9 78967 0171791